

# Pengajian komunikasi, media di IPT perlu distruktur semula

B1HARIAN  
26.9.19

M 9 12

**Subang Jaya:** Pengajian media dan komunikasi di institusi pengajian tinggi (IPT) perlu distruktur semula untuk memastikan graduan dilahirkan meneuti keperluan industri media semasa.

Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar, berkata pelajar bidang itu perlu tahu mengenai realiti baharu perniagaan dan operasi media termasuk keseluruhan disiplin pengumpulan, pemprosesan dan penyebaran berita.

Sehubungan itu, katanya, IPT mencakupi universiti awam (UA) perlu memastikan kurikulum diajar menepati kehendak industri dan tidak ketinggalan zaman kerana media masa kini amat berbeza dengan 10 tahun lalu.

"Kurikulum terdahulu sudah tidak relevan secara keseluruhannya dengan keadaan media kini. Jadi, perlu diubah dan dikaji semula."

"Saya percaya pengajian media masih relevan, namun perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa. Kita perlu menambah baik keseluruhan bidang pengajian ini," katanya selepas menyampaikan ucaptama pada Forum Media Kebangsaan Industri 4.0: 'Kewartawanan Merentasi Pelbagai Platform', di sini, semalam.

Forum sehari itu anjuran Institut Akhbar Malaysia (MPI) bersama Sekolah Media dan Komunikasi Universiti Taylor's.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MPI, Datuk Dr Chamil Wariya dan Ketua Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Universiti Taylor's, Dr Latiffah Pwanteh.

Mengenai industri media, Johan yang juga bekas Pengurus Media Prima Bhd berkata, syarikat media perlu melihat dalam diri untuk membuat penilaian bagi menentukan pendekatan baharu menghadapi cabaran semasa.

Katanya, cabaran itu bukan saja persaingan dengan media sosial atau sesama sendiri menyampaikan berita, malah pengaruh pengiklanan.

Beliau berkata, sebahagian besar media konvensional mendapat peluang iklan yang kini diambil alih gergasi media sosial seperti Google dan Facebook.

"Ini dengan sendirinya jumlah pendapatan berpindah ke syarikat gergasi berkenaan."

"Syarikat media perlu menyusun semula strategi untuk masa depan kerana model perniagaan yang ada tidak boleh diguna pakai lagi sebab tidak praktikal,"